

# DBKL keluar arahan henti kerja bina struktur kuil sementara

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas apabila mengeluarkan arahan pemberhentian kerja pembinaan struktur kuil di Jalan Rahmat Off Jalan Ipoh di sini.

DBKL dalam satu kenyataan semalam memaklumkan pihaknya mengeluarkan beberapa notis berkaitan struktur itu yang dibina di atas tapak milik persendirian.

“Struktur sementara ini untuk kegunaan peribadi pemilik dan bukan untuk awam.

“Pemilik turut memberi jaminan bahawa struktur sementara ini dialihkan dan mereka mematuhi semua peraturan DBKL.

“DBKL juga mengarah-

kan pemilik mengemukakan permohonan kebenaran merancang secara rasmi untuk pertimbangan,” katanya, semalam.

Dalam kenyataan sama DBKL berkata, beberapa notis penguatkuasaan mengikut Akta 267 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, dikeluarkan termasuk arahan *Stop Work Order* dan tindakan penutupan terhadap struktur itu.

DBKL berkata, pemeriksaan di tapak terbabit mendapati kerja pembinaan struktur sementara berkenaan dihentikan.

“Hasil perbincangan DBKL dengan pemilik pada 7 April, dimaklumkan struktur sementara itu adalah penempatan sementara.

“Ia bagi menempatkan dewa kuil kecil sedia ada susulan kerja pembangunan semula tapak berkenaan sebagai kompleks komersial,” katanya.

Terdahulu media melaporkan sekumpulan penduduk dan badan bukannya kerajaan (NGO) membantah pembinaan sebuah kuil terletak 10 meter daripada sebuah surau yang didakwa dibina secara haram.

“**Pemilik beri jaminan bahawa struktur sementara ini dialihkan**”